

# Permohonan Najib didengar 7 Disember

Oleh SUWARNI MOKHTAR

utsannews@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Permohonan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk memasukkan bukti dan keterangan baharu dalam rayuannya berhubung kesalahan penyelewengan dana SRC International Sdn. Bhd. sebanyak RM42 juta akan didengar Selasa ini.

Semakan di sistem kehakiman hari ini menunjukkan permohonan yang difailkan semalam akan didengar pada pukul 9 pagi di Mahkamah Rayuan 1, Putrajaya.

Pendengaran itu juga dibuat sehari sebelum keputusan rayuannya terhadap sabitan salah dan hukuman penjara 12 tahun serta denda RM210 juta yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas tujuh tuduhan pecah amanah jenayah (CBT), pengubahan wang haram dan menyalahgunakan kedudukan diumumkan.

Semalam, Najib melalui firma guaman yang mewakilinya, Tetuan Shafee & Co. memfailkan



**NAJIB TUN RAZAK**

permohonan untuk memasukkan bukti dan keterangan baharu.

Antaranya membabitkan penglibatan bekas Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz yang dikatakan bersekongkol dengan Jho Low atau Low Taek Jho bagi memudahkan ahli perniagaan dalam buruan itu untuk menyeleweng dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan anak syarikatnya SRC Inter-

national.

Najib dalam affidavit sokongannya menyatakan, beliau memfailkan notis usul itu selepas mendapati keterangan-keterangan berkaitan penglibatan Zeti dan ahli keluarganya tidak dimaklumkan atau didedahkan kepada pasukan pembelaannya sebelum atau sepanjang bicararaannya.

Jelasnya, beliau hanya mengetahui mengenai perkara tersebut selepas Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengeluarkan kenyataan bahawa Singapura telah memulangkan AS\$15.4 juta yang berkaitan akaun Cutting-Edge Industries Ltd. yang mempunyai kaitan dengan suami Zeti, Tawfiq Ayman.

Najib turut memohon mahkamah mendapatkan keterangan lisan viva (viva voce) daripada bekas Ketua Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Azam Baki; pegawai penyiasat SPRM, Rosli Hussein dan keterangan saksi lain atau apa-apa keterangan tambahan lanjut berkaitan Zeti dan keluarganya.

am - 4/12/2021 m/s: 8